

30 MAY 2003

Mahathir-Umno (Analisis Berita)

PESAN DR MAHATHIR UNTUK UMNO SEBELUM BERSARA

Oleh: Zulkfili Salleh

ALOR SETAR, 30 Mei (Bernama) -- Rakyat dan seluruh anggota Umno menunggu dengan penuh debaran perhimpunan agung parti itu tiga minggu lagi untuk mendengar apakah amanat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara Oktober depan.

Adakah presiden Umno itu akan meninggalkan petua sakti untuk parti yang dipimpinnya selama lebih 20 tahun itu, khususnya bagi menjamin Umno itu terus kukuh dan diterima oleh rakyat, terutama orang Melayu supaya kuasa politik mereka tidak terhakis.

Apa jua yang terakhir mempunyai makna yang istimewa. Seperti perhimpunan agung akan datang, mesyuarat perwakilan Umno Kubang Pasu Jummah lepas juga adalah yang terakhir bagi Dr Mahathir selaku ketua bahagian berkenaan.

Kerana itulah beliau telah memilih pentas berkenaan untuk menitip sebahagian daripada amanat pentingnya sebagai presiden Umno dan Perdana Menteri dalam ucapan perasmian selama satu jam setengah dan ucapan penangguhan mesyuarat bahagian itu.

Dalam bahasa mudah dan berterus terang tetapi dengan mimik muka yang serius, beliau dengan nada suara yang bersungguh-sungguh berpesan berulang kali kepada seluruh anggota Umno supaya mengekang kecenderungan untuk bertanya "apa aku dapat dari berjuang dalam Umno?".

Dr Mahathir sangat bimbang pandangan sempit dan sikap mementingkan diri sendiri itulah yang akan melemahkan Umno dan mengakibatkan rakyat terutamanya orang Melayu membenci parti itu.

Beliau menyingkap bencana yang dibawa oleh sikap itu dalam sejarah parti berkenaan dari zaman sebelum Merdeka sehingga zaman ini.

Menurutnya, meresapnya sikap "apa aku dapat?" itulah menjadi permulaan yang membawa kepada kelemahan parti apabila ada anggota mengasingkan diri dan berjuang secara bersendirian.

Apabila ada beberapa orang daripada kalangan anggota Umno yang berpendidikan agama tidak mendapat jawatan dalam kerajaan, mereka mendakwa ulama diketepikan lalu menubuhkan PMIP yang kini dikenali sebagai PAS.

Menurutnya lagi, sikap "apa aku dapat?" kemudiannya melahirkan Semangat 46 yang dan Keadilan.

Bagi mereka yang bersikap begini tetapi masih berada dalam parti, Dr Mahathir melahirkan kekhuatiran bahawa mereka inilah yang akan mengakibatkan rakyat membenci Umno dan menolak parti itu.

Bahawa mereka ini, anggota parti yang bersikap "apa aku dapat?", hanya sanggup bekerja kuat sebelum mendapat jawatan dalam parti dan wakil rakyat yang mengabaikan tanggungjawab kepada pengundi selepas menang kerusi dalam pilihan raya.

Dr Mahathir kesal sepatutnya mereka ini dapat melihat kepentingan yang lebih besar iaitu kejayaan Umno sendiri kerana apabila parti berjaya, banyak hasil dinikmati oleh negara dan seluruh rakyat.

"Tiada siapa yang dapat mengatakan aku tidak dapat apa-apa dari perjuangan Umno. Kita semua dapat kemudahan-kemudahan yang dulunya tidak ada seperti jalan, bekalan air dan elektrik, peluang pendidikan sehingga anak orang miskin jadi doktor, peguam dan sebagainya.

"Semasa penjajahan British kemudahan seperti jalan hanya dibina bagi kepentingan penjajah iaitu dari ladang-ladang dan lombong-lombong ke pelabuhan untuk membawa balik kekayaan negara ini ke Britain," ujar beliau.

Dr Mahathir mengingatkan bahawa Umno antara sedikit yang tinggal dari

parti-parti politik yang berjasa memerdekakan negara yang masih disokong rakyat, yang lainnya sudah menjadi sejarah lantaran anggota-anggota parti berebut jawatan.

Setelah memimpin parti lebih 20 tahun, beliau tentu gembira meninggalkan parti kepada penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam keadaan baik dan kukuh untuk menghadapi pemilihan parti tahun depan.

"Dalam Umno kini terdapat usaha untuk menonjol diri menjadi calon. Tidak salah mahu menjadi calon tetapi jangan sampai rakyat benci kepada Umno. Ini boleh berlaku jika kita tidak hentikan perebutan untuk mendapat tempat dan menjadi kaya," Dr Mahathir berpesan lagi.

"Jangan berebut nak jadi presiden, ketua bahagian, ketua cawangan. Rakyat akan kecewa," ujarinya. "Ask not what the nation can give you but ask what you can give to the nation," (jangan tanya apa yang negara boleh beri kepada kamu tetapi tanyalah diri apa yang kamu boleh sumbangkan kepada negara) kata beliau sambil menegaskan jika seluruh anggota Umno dapat mengamalkan ini insyaAllah Umno akan terus mendapat sokongan rakyat.

Dr Mahathir juga memberi amaran kepada seluruh anggota Umno jangan bersikap mudah berasa puashati kerana menganggap perjuangan Umno sudah selesai setelah negara dimerdekakan dan dibangunkan.

-- BERNAMA

ZS RON